

AI, IT laku di pasaran kerja

Oleh JOHANNA MUMTAZ
WANPA

johanna.pa@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Bidang pengajian teknologi dan digital seperti teknologi maklumat (IT), kecerdasan buatan (AI) dan keselamatan siber mempunyai permintaan tinggi dalam pasaran kerja masa hadapan.

Pengarah Pusat Pembangunan Karier Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Salleh Amat berkata, perkembangan pesat teknologi serta perubahan landskap industri global menyebabkan kepakaran dalam bidang digital semakin diperlukan oleh pelbagai sektor pekerjaan.

Katanya, beberapa bidang lain seperti kejuruteraan, kesihatan, kewangan serta kelestarian alam sekitar turut kekal relevan kerana berkait rapat dengan keperluan semasa serta perkembangan dunia.

"Secara umumnya, bidang-bidang ini kekal relevan dalam jangka masa panjang kerana menyokong keperluan asas ma-



Calon SPM boleh mengenal pasti minat dan kebolehan mereka melalui gabungan beberapa langkah penting iaitu melakukan refleksi sendiri..."

SALLEH AMAT

nusia serta kemajuan teknologi.

"Namun begitu, tahap relevannya bergantung kepada keupayaan individu untuk sentiasa meningkatkan kemahiran dan menyesuaikan diri dengan perubahan industri memandangkan majikan kini lebih menitikberatkan kemahiran berbanding sekadar kelulusan akademik," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Semalam, pengumuman ke-

putusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025 merekodkan 366,435 atau 94.29 peratus calon layak diberikan sijil, berbanding 355,933 atau 94.01 peratus pada 2024.

Mengulas lanjut, Salleh berkata, calon SPM perlu mengenal pasti minat serta kebolehan diri sebelum memilih kursus atau laluan pengajian selepas tamat sekolah.

Katanya, pelajar juga per-

lu lebih proaktif mendapatkan panduan dan maklumat berkaitan peluang pengajian serta laluan kerjaya supaya keputusan yang dibuat tidak sekadar dipengaruhi persepsi populariti sesuatu bidang.

"Calon SPM boleh mengenal pasti minat dan kebolehan mereka melalui gabungan beberapa langkah penting iaitu melakukan refleksi sendiri terhadap subjek dan aktiviti yang diminati, menganalisis kekuatan berdasarkan keputusan akademik serta menggunakan ujian minat kerjaya seperti model Tipologi Kerjaya Holland (RI-ASEC)," katanya.

Dalam pada itu, Pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan dan Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Ismi Arif Ismail berkata, sistem pendidikan negara menyediakan pelbagai alternatif pengajian yang turut membuka peluang kerjaya luas termasuk laluan kemahiran serta program pendidikan teknikal.

Katanya, pilihan tersebut merangkumi pendidikan dan

latihan teknikal dan vokasional (TVET) di kolej vokasional, politeknik atau institut latihan kemahiran selain program sijil dan diploma profesional serta laluan pra universiti seperti Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), matrikulasi dan asasi.

"Laluan ini bukan sahaja lebih fleksibel, malah memberi penekanan kepada kemahiran praktikal yang sangat diperlukan dalam pasaran kerja masa kini.

"Pendekatan tersebut turut membantu melahirkan individu yang mempunyai kemahiran khusus dan lebih bersedia untuk memenuhi keperluan industri," katanya.

Katanya, beberapa aspek lain juga perlu dipertimbangkan termasuk prospek pekerjaan, kandungan kurikulum, reputasi program pengajian serta peluang pembelajaran yang melibatkan kerjasama industri.

"Pemilihan yang bijak bukan sekadar mengikut trend, tetapi berpaksikan potensi diri dan keperluan masa depan," katanya.